

10 APR 2002

Kolokium-Mahathir

KOLOKIUM PEMIKIRAN DR MAHATHIR DI MELAKA PADA 22 DAN 23 APRIL

MELAKA, 10 April (Bernama) -- Satu kolokium mengenai pemikiran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan diadakan di sini pada 22 dan 23 April ini bagi mengupas kejayaan dan kecemerlangannya dalam mentadbir negara.

Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam berkata beberapa orang kenamaan diundang untuk membincangkan mengenai pemikiran Perdana Menteri itu yang dibahagikan kepada beberapa tajuk.

"Antara tajuk-tajuk yang diberikan ialah mengenai kebebasan hak asasi, ekonomi, globalisasi, sains dan teknologi, cara hidup Islam, wanita, orang Melayu dan juga wawasan 2020," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco di Seri Negeri, hari ini.

Beliau berkata antara pembentang kertas kerja ialah Penasihat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) Datuk Mustapa Mohamad yang akan membincangkan pemikiran Perdana Menteri mengenai ekonomi, Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan Datuk Mahadzir Mohd Khir mengenai politik.

Ketua Pengarah Institut Kajian Strategik Antarabangsa (ISIS) Datuk Mohamad Jawhar Hassan mengenai globalisasi, Pengerusi Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) Tan Sri Dr Othman Yeop mengenai sains dan teknologi.

Pemikiran Dr Mahathir mengenai Islam oleh Ketua Pengarah Institut Kemajuan Islam Malaysia (IKIM) Datuk Ismail Ibrahim, mengenai orang Melayu oleh Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM) Prof Datuk Dr Fawzi Basri, hak ehwal wanita oleh Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga Datuk Shahrizat Abd Jalil.

Selain itu, tokoh akademik dan Pro Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Tan Sri Awang Had Salleh membincangkan tajuk pendidikan dan Ketua Pengarah ICU (Unit Pelaksanaan dan Penyelarasan) di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Zainul Ariff Hussain mengenai wawasan 2020.

Mohd Ali berkata kolokium itu akan dirasmikan oleh Speaker Dewan Rakyat Tun Mohamed Zahir Ismail dan dijangka disertai oleh lebih 500 orang.

Kolokium itu anjuran Kerajaan Negeri dan Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP) dan mereka yang berminat boleh menghubungi kerajaan negeri atau IKSEP di talian 06-3174475.

Ketua Menteri berkata penyertaan masih dibuka kepada orang ramai dan yuran pendaftaran dikenakan sebanyak RM200.

-- BERNAMA

SBS PR